

Malaysia-AS terus usaha banteras keganasan

UM - 5/6/2006

Kami komited dalam usaha memastikan dunia kekal aman dan selamat

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

Daripada **RAJA LUVENA SHARIFUDDIN**

SINGAPURA 4 Jun - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) akan meneruskan kerjasama rapat dalam usaha membanteras aktiviti keganasan di rantau ini.

Beliau berkata, tahap kerjasama antara kedua negara itu amat memuaskan, khususnya dalam bidang pertahanan.

"Kami komited dalam usaha memastikan dunia kekal aman dan selamat.

"Untuk itu, kami telah bersetuju untuk terus memainkan peranan menumpaskan keganasan," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Setiausaha Pertahanan AS, Donald Rumsfeld di sini hari ini.

Najib berada di Singapura untuk berucap pada Dialog Shangri-la dan menghadiri Mesyuarat Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA).

Najib dalam hal ini menamakan kejayaan negara me-

nangkap beberapa militan di Sabah dan huluran bantuan ke Timor Leste serta selatan Filipina sebagai petanda jelas kepada kesungguhan Malaysia membantu masyarakat antarabangsa.


Sementara itu, Rumsfeld berkata, beliau bersetuju bahawa Malaysia dan AS telah membangunkan hubungan dan kerjasama ketenteraan yang baik dalam menangani keganasan.

"Saya turut berterima kasih kepada Najib atas peranan Malaysia menjalankan usaha keamanan di Timor Leste dan membantu Australia dalam tugas mereka," ujarnya.

Terdahulu, Najib telah bertemu dengan Menteri Ketenteraan United Kingdom, Adam Angham.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertahanan Australia, Brendan Nelson; Menteri Pertahanan Singapura, Teo Chee Hean dan Pengarah Hubungan Strategik Kementerian Pertahanan Perancis, Jean de Pontoon D'Amecourt.

- Utusan



NAJIB Tun Abdul Razak dan Donald Rumsfeld pada sidang akhbar bersama sempena Dialog Shangri-la dan Mesyuarat Peraturan Pertahanan Lima Negara di Singapura, semalam.